

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI
[BAGAN DATUK]**

TARIKH : 11.7.2019 (KHAMIS)

SOALAN : 20

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah bentuk bantuan yang disediakan oleh pihak Kementerian bagi meningkatkan taraf ekonomi penduduk luar bandar khususnya belia dan ibu tunggal.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian telah melaksanakan dua siri Karnival Usahawan Desa (KUD@KPLB) pada tahun ini sehingga bulan April yang lepas. Program yang diadakan di Pulau Pinang dan Terengganu tersebut secara terkumpul telah melibatkan seramai 526 usahawan dengan jumlah pengunjung seramai 106,382 orang dan jumlah jualan sebanyak lebih kurang RM2.17 juta. Seterusnya, KUD@KPLB Zon Sabah akan diadakan pada 25 hingga 28 Ogos 2019 di Kompleks Sukan Kota Kinabalu Sabah dan penutup bagi KUD@KPLB akan diadakan di Putrajaya pada 17 hingga 21 Oktober 2019.

Program KUD@KPLB ini berjaya membantu usahawan luar bandar termasuklah dari kalangan usahawan belia dan usahawan wanita dalam memasarkan produk mereka serta seterusnya mengembangkan perniagaan ke peringkat yang lebih tinggi.

NO. SOALAN : 20

Untuk makluman Yang Berhormat jua, MARA turut menyediakan kemudahan bantuan pembiayaan perniagaan kepada golongan belia dan wanita iaitu program Skim PUTRA dan DanaNita. Sejumlah RM 8,850,000 diperuntukkan bagi program Skim PUTRA untuk tahun 2019 dengan sasaran 900 usahawan yang akan mendapat manfaat. Manakala Sejumlah RM10,000,000 diperuntukkan bagi program DanaNita untuk tahun 2019 dengan sasaran 200 usahawan yang akan mendapat manfaat.

Selain itu, bermula tahun 2016, KEMAS juga telah memperkenalkan program Quick Win dalam bidang jahitan, masakan, dandanan diri dan seni tangan bagi memberi peluang kepada peserta-peserta kelas kemahiran KEMAS sedia ada untuk mempelbagaikan sumber pendapatan dengan menceburi bidang kemahiran.

Untuk makluman Yang Berhormat jua, bermula tahun 2019, KEMAS telah memperkenalkan Kursus Keusahawanan Rintis kepada masyarakat luar bandar yang mempunyai potensi untuk memajukan diri dalam bidang perniagaan dan keusahawanan.

KEMAS juga telah memperkenalkan Program Wacana Ilmu Wanita Inspirasiku (WINS) pada tahun 2019 bertujuan untuk memperkasakan wanita secara holistik merangkumi aspek ekonomi, kesihatan, kekeluargaan dan perundangan.